



GLOBAL INDIAN INTERNATIONAL SCHOOL, KUALA LUMPUR, MALAYSIA  
SUMMATIVE ASSESSMENT II (MARCH - 2011)  
SUBJECT: BAHASA MELAYU  
(SUBJECT CODE - 099)  
CLASS: 10

Markah : 80

Masa : 3 jam

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian iaitu **Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.**
2. **Bahagian A** terdiri daripada **soalan 1** yang mengandungi empat bahagian iaitu **( i ), ( ii ), ( iii ), dan ( iv )**. Anda wajib menjawab kesemua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** terdiri daripada **soalan 2** yang mengandungi tiga bahagian iaitu **( i ), ( ii ), dan ( iii )**. Anda dikehendaki menjawab **semua** soalan.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **soalan 3, soalan 4, dan soalan 5** yang mengandungi 25 soalan tatabahasa berbentuk objektif. Jawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada **soalan 6 dan soalan 7** yang mengandungi dua soalan komsas berbentuk objektif dan **soalan 8 dan soalan 9** yang mengandungi dua soalan komsas berbentuk subjektif. Anda diminta menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa **50 minit** untuk menjawab **Bahagian A, 40 minit** untuk **Bahagian B, 40 minit** untuk **Bahagian C** dan **30 minit** untuk **Bahagian D.**
7. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.
8. Anda diberi 15 minit untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh ini.
9. Kertas soalan ini mengandungi 22 muka surat sahaja.

## Bahagian A

[ 20 markah ]

### SOALAN 1 (i)

*Baca teks di bawah dan pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan – soalan yang diberikan.*

Yang Mulia Tuan Pengerusi Majlis, Guru-guru Besar, guru-guru, barisan para hakim yang arif lagi bijaksana serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Berdirinya saya di atas pentas ini untuk mempertahankan tajuk perbahasan hari ini iaitu "Hidup di rumah kampung lebih baik daripada hidup di rumah pangsa".

Hadirin sekalian,

Rumah kampung biasanya terdapat di kampung-kampung. Ini bermakna suasananya jauh lebih baik daripada rumah pangsa yang banyak terdapat di bandar. Udara di kampung bersih, jauh daripada kebisingan dan kesesakan lalu lintas. Dengan ini penghuni rumah kampung menikmati hidup dengan bahagia. Oleh sebab rumah pangsa terdapat di bandar-bandar, kita dapati rumahnya bukan sahaja bertingkat-tingkat, malahan setiap rumah ada satu dua bilik yang sempit. Ini menyebabkan penghuninya berasa tidak selesa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Bukan itu sahaja masalah hidup di rumah pangsa. Keadaan menjadi lebih teruk lagi apabila diadakan majlis perkahwinan atau kenduri-kendara. Mereka terpaksa menyewa dewan atau tempat khas yang disediakan di ruangan bawah blok rumah pangsa itu. Sebelum ini, tempat khas itu dijadikan tempat meletak kereta. Sebaliknya keadaan ini tidak dialami oleh penghuni rumah kampung. Halaman rumah kampung biasanya lapang serta teduh oleh naungan pokok-pokok. Hal ini juga menyebabkan penghuni rumah kampung boleh bercucuk tanam. Pendeknya, kalau ringan tulang mereka tidak perlu membeli sayur-mayur di pasar. Penghuni rumah pangsa pula sekadar boleh menanam pokok bunga yang diletakkan di sepanjang beranda.

- i. Orang yang hidup di rumah kampung lebih bahagia kerana
- A udara di kampung bersih dan tiada pencemaran bunyi
  - B rumah mereka terdapat di kampung-kampung
  - C mereka menghadapi masalah kesesakan lalu lintas
  - D bentuk rumah mereka yang cantik
- ii. Mengapakah penghuni rumah pangsa berasa tidak selesa?
- A Kerana rumah mereka bertingkat-tingkat.
  - B Kerana rumah pangsa terdapat di bandar-bandar.
  - C Kerana bilik-biliknya yang sempit.
  - D Kerana mereka tidak boleh bercucuk tanam.
- iii. Berikut ialah masalah-masalah hidup di rumah pangsa kecuali
- A susah hendak mengadakan kenduri
  - B bilik atau rumah yang sempit
  - C keadaan udara yang tercemar
  - D kekurangan tanah di bandar
- iv. Berdasarkan hujah-hujah di atas, kita boleh membuat kesimpulan bahawa
- A pembahas mengagak sahaja keadaan di rumah pangsa
  - B pembahas arif benar keadaan di kedua-dua jenis rumah itu
  - C pembahas faham tajuk yang dibahaskannya itu
  - D pembahas menetap di kampung
- v. Perkataan dikemukakan sama maksudnya dengan
- A diberitahu
  - B diutarakan
  - C diterangkan
  - D diberikan

**( ii ) Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.**

Harunlah yang mula-mula menyedari bahawa di kaki bukit itu ada sebuah gua. Sebelum ini hutan di kaki Bukit Perah itu kami redah. Bukan sekali kami masuk ke hutan Bukit Perah itu, tetapi baru kali inilah kami menemui sebuah gua di sebalik rimbunan pokok palas itu.

Berhampiran dengan pokok palas itu tumbuh serumpun pokok salak. Harun memanggil kami sebaik sahaja dia nampak gua itu ketika dia sedang mengambil buah salak itu. "Mari kita masuk ke dalamnya," kata saya. "Mana tahu di dalamnya ada harta karun," sambung saya bergurau.

"Aku takutlah, entah-entah berlingkar ular sawa sebesar batang pinang di dalamnya," balas Harun sambil menjengah ke dalam gua yang kelim itu. Akhirnya kami mengambil keputusan untuk masuk ke gua itu. Sebelum itu kawasan sekitar pintu gua itu telah kami bersihkan. Ketika itu barulah kami perasan bahawa gua itu tidaklah tertutup rapat. Kami kumpulkan daun-daun salak dan daun-daun palas yang kering, mengikatnya kemas-kemas, lalu kami buat andang. Perlahan-lahan kami melangkah. Lantai gua itu lekak-lekuk, licin, serta berlumut. Udara di dalamnya dingin. "Berhati-hati Man," kata Harun sambil mengangkat andangnya. Beberapa ekor kelawar yang terkejut berterbangan keluar. Harun terkejut dan andang di tangannya terjatuh.

Semakin jauh ke dalam, keadaan gua itu semakin gelap tetapi udaranya pula semakin panas. Kami bergerak dengan bantuan cahaya andang itu. Seekor musang melompat dan meluru keluar. Hampir musang itu melanggar kaki saya. Peluh memercik, bulu roma saya tegak. Saya semakin takut. Harun yang berada di belakang menjeritjerit. Saya menoleh, kelihatan kelibat tubuh Harun. Dia berlari keluar. Terlintas di hati saya seekor harimau sedang tercegat di depan saya, sedia untuk menerkam. Sebelum khayalansaya semakin meliar, saya berlari keluar sambil memanggil Harun. Harun terduduk di tepi pintu gua itu. Mukanya pucat-lesi. "Binatang celaka itu menakutkan saya," katanya lemah.

- i. Apakah tujuan mereka ke hutan Bukit Perah?
- A Mencari daun palas
  - B Mencari buah salak
  - C Mencari gua
  - D Mencari harta karun
- ii. Andang itu gunanya untuk
- A menakutkan kelawar
  - B menyuluh jalan
  - C membakar serangga
  - D mengeringkan daun palas
- iii. Harun menyuruh kawannya berhati-hati kerana
- A takut andang itu terpadam
  - B mungkin ada binatang di situ
  - C lantai gua itu dilitupi lumut
  - D takut tergelincir
- iv. Bagaimanakah keadaan dalam gua itu apabila mereka semakin jauh ke dalamnya?
- A Lantainya kian licin dan berbahaya
  - B Gua itu semakin gelap dan udaranya panas
  - C Udara di dalam gua itu dingin serta gelap
  - D Semakin menakutkan
- v. Apakah binatang yang menakutkan Harun?
- A Harimau
  - B Kelawar
  - C Musang
  - D Ular sawa

( iii ) Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Haikal, John dan Leong bersahabat baik semenjak kecil lagi. Mereka hidup sekampung dan bersekolah di sekolah yang sama. Ketiga-tiganya murid Tahun Enam. Mereka sentiasa **berlumba-lumba** dalam pelajaran. Masing-masing ingin menduduki tempat teratas dalam kelas. Dalam Peperiksaan Percubaan UPSR tempoh hari, ketiga-tiganya mendapat 4A. Di dalam kelas mereka, John muncul pelajar terbaik bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, manakala Leong mendapat markah tertinggi bagi Bahasa Inggeris.

Haikal pula mendapat 100 peratus dalam Matematik. Guru kelas mereka sungguh bangga dengan pencapaian ketiga –tiga muridnya yang juga menjadi anak emas sekolah mereka itu. Walaupun mereka saling berlumba dalam pelajaran, mereka tidak bermusuhan antara satu sama lain. Malah, mereka saling membantu dalam menghadapi apa juga keadaan. Mereka belajar bersama-sama, bermain bersama-sama dan jika timbul masalah, mereka akan cuba menyelesaikannya secara muafakat.

Di kampung, mereka terkenal sebagai budak-budak yang ringan tulang. Orang kampung juga sangat suka kepada mereka kerana mereka juga ringan mulut. Mereka rajin menolong ibu bapa dan juga sentiasa bersedia membantu orang kampung. Apabila berselisih dengan orang lain, mereka tidak pernah masam muka, sebaliknya menegur orang itu dengan ramah.

i. Perkataan '**berlumba-lumba**' dalam petikan di atas bermaksud

- A berlawan
- B bersaing
- C beriringan
- D berkejar-kejaran

ii. Antara berikut, manakah pernyataan yang salah?

- A Haikal mendapat markah penuh dalam Matematik.
- B John mendapat markah tertinggi dalam Bahasa Melayu.
- C Leong mendapat markah penuh dalam Bahasa Inggeris
- D Haikal, John dan Leong mendapat 4A dalam peperiksaan percubaan UPSR sekolah mereka.

- iii. Semua perkara di bawah dilakukan oleh tiga sahabat itu bersama -sama, **kecuali**
- A bermain
  - B belajar
  - C menolong ibu bapa
  - D menyelesaikan masalah
- iv. Semua simpulan bahasa yang terdapat dalam petikan di atas membawa maksud yang baik, **kecuali**
- A anak emas
  - B ringan tulang
  - C ringan mulut
  - D masam muka
- v. Apakah tajuk yang paling sesuai bagi petikan tersebut?
- A Bakal Pelajar Terbaik UPSR
  - B Sikap Yang Harus Diteladani
  - C Ringan Mulut
  - D Pelajar Pintar Sentiasa Berlumba-lumba

( iv ) Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya

Gopal : Eh, awak ingat lagi tak tentang berita manusia ditelan ular sawa tempoh hari!

Samat : Mestilah. Sampai sekarang saya masih terbayang-bayang gambar yang tersiar dalam akhbar tu.

Eee.....nggerinya!

Chan : Tapi yang peliknya, lepas kejadian tu tak putus-putus keluar cerita tentang ular sawa dalam akhbar. Ular sawa telan ayamlah, telan kambinglah, dan macam -macam lagi.

Samat : Apa yang peliknya, Chan berita sensasi macam tu disukai oleh orang ramai. Jadi wartawan pun jalankanlah tugas mereka untuk mencari cerita –cerita sedemikian!

Gopal : Agaknya tak lama lagi ada pula berita tentang ular sawa telan gajah. Haa. masa tu barulah heboh satu dunia! Adakah awak tahu ular sawa merupakan sejenis haiwan yang dilindungi?

Samat : Tahu. Baru semalam Cikgu Lina beritahu

Gopal : Yalah, selama ni saya tak tahu pun yang kita boleh didakwa jika mencedera atau membunuh ular.

Chan : Hukumannya berat juga. Kita boleh kena denda hingga RM3 000 atau penjara!

Samat : Dan boleh juga dikenakan kedua-duanya sekali!

Gopal : Kalau macam tu, bila jumpa ular sawa cepat -cepatlah lari. Jangan cuba-cuba nak pukul atau bunuh!

Chan : Kenapa? Kamu takut ke?

Samat : Awak ni tak faham ke, Chan? Nanti terlepas masuk mulut ular sawa, awak kena masuk penjara pula!



- i. Apakah maksud kata-kata Samat, 'Eee....nggerinya' dalam petikan di atas?
- A Bayang-bayang ular sawa menelan manusia
  - B Dia terbayang kenangan ular sawa menelan manusia
  - C Gambar ular sawa menelan manusia yang tersiar dalam akhbar
  - D Kejadian ular sawa menelan manusia yang dilihat oleh Gopal.
- ii. Perkataan 'sensasi' dalam petikan di atas sesuai digantikan dengan perkataan
- A menakutkan
  - B menggemparkan
  - C menghairankan
  - D menyeronokkan
- iii. Semua berita berikut telah tersiar dalam akhbar kecuali
- A ular sawa menelan gajah
  - B ular sawa menelan kambing
  - C ular sawa menelan ayam
  - D ular sawa menelan manusia
- iv. Apakah haiwan yang sedang dibincangkan dalam petikan di atas?
- A Ular sawa
  - B Harimau
  - C Gajah
  - D Rusa
- v. Ular sawa tidak boleh dipukul atau dibunuh kerana
- A hukumannya sangat ringan.
  - B ia merupakan sejenis binatang yang dihormati.
  - C kita hanya boleh lari apabila terjumpa ular sawa.
  - D kita boleh dihukum penjara.

## Bahagian B

[ 15 markah ]

### SOALAN 2

(i) Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya jenayah ragut**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah kata**. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Kegemparan rakyat Malaysia tentang isu jenayah seolah-olah mengikut musim. Suatu masa dahulu, rakyat Malaysia dikejutkan oleh kejadian rogol dan bunuh. Kini, jenayah ragut pula kian bermaharajalela. Di sana sini, orang ramai memperkatakan jenayah ragut terutama di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Statistik Indeks Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari Januari hingga Jun 2006 menunjukkan penurunan jenayah ragut daripada keseluruhan indeks jenayah di Malaysia. Namun, penurunan tersebut masih membimbangkan masyarakat kita. Hal ini demikian kerana jenayah tersebut adakalanya mengakibatkan kecederaan parah dan kehilangan nyawa mangsa ragut. Lebih dahsyat lagi apabila peragut turut mencederakan "orang ketiga" yang mencuba membantu mangsa ragut.

Lazimnya peragut tidak merancang secara terperinci ketika melakukan jenayah ini. Sebaliknya, keadaan mangsa, suasana sekeliling, dan sikap peragut itu sendiri yang mendorong berlakunya jenayah ragut. Faktor seperti keadaan persekitaran yang sunyi, mangsa berjalan sendirian, dan ruang yang luas untuk melarikan diri, mengundang peluang peragut bertindak pantas meragut beg tangan atau barang kemas mangsa.

Kebanyakan jenayah ragut dilakukan oleh penagih dadah dan pengganggur akibat mengambil jalan mudah untuk mendapatkan wang. Biasanya, peragut menggunakan motosikal sama ada sendirian atau bersama rakan lain. Mangsa ragut pula terdiri daripada kaum wanita kerana faktor fizikal mereka yang lemah.

Persoalannya, adakah undang-undang jenayah di Malaysia sudah cukup untuk membendung jenayah ragut? Sehingga hari ini peruntukan undang-undang yang sedia ada masih belum mampu menggerunkan peragut. Kesannya, peragut terus-menerus menggugat ketenteraman orang awam.

- (ii) Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang Sambutan Hari Kemerdekaan untuk kali ke-57.



- (iii) Tulis sebuah karangan tentang salah *salu* daripada perkara di bawah. Panjang karangan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan.

- i. Kebelakangan ini, ramai pelajar terlibat dalam kegiatan merokok. Bilangan pelajar sekolah yang merokok juga turut meningkat dari tahun ke tahun. Huraikan langkah – langkah untuk membendung kegiatan merokok dalam kalangan pelajar.
- ii. Bilangan kemalangan jalan raya di negara kita semakin meningkat dari tahun ke tahun. Kemalangan jalan raya yang cukup dasyat selalunya berlaku pada musim perayaan seperti Hari Raya Puasa dan Deepavali. Huraikan punca – punca berlakunya kemalangan jalan raya di negara kita.

**Bahagian (C)**

[ 25 markah ]

**SOALAN 3**

*Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul atau mungkin salah. Tandakan A, B, atau C jika ayat itu mempunyai kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.*

- i. Para pemimpin menggesa rakyat menyokong proses mempercepatkan pemulihan ekonomi. Tiada kesalahan
- A B C
- D
- ii. Majlis sebulat-bulat suara membuat keputusan untuk membantah cadangan kerajaan itu. Tiada kesalahan.
- A B C
- D
- iii. Majikan yang pernah berhentikan pekerja akan mengalami kesukaran mendapatkan tenaga kerja. Tiada kesalahan
- A B
- C D
- iv. Pada zaman gawat seperti ini, kaum belia patut merebut apa sahaja peluang pekerjaan yang ada. Tiada kesalahan
- A B C
- D
- v. Ramai bekas pelajar-pelajar hadir dalam majlis makan malam yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Perak. Tiada kesalahan
- A B C
- D
- vi. Sokongan perpaduan yang diberikan oleh para pekerja merupakan faktor utama kejayaan Datuk Hisham dalam dunia perniagaan. Tiada kesalahan
- A B
- C D

vii. Amni membatalkan hasratnya untuk membeli baju itu kerana harganya amat mahal  
A B

sangat. Tiada kesalahan

C D

viii. Penghimpunan sajak-sajak karya sasterawan terbilang itu diusahakan oleh anaknya.  
A B C

Tiada kesalahan.

D

ix. Setelah kematian bapa kami, tinggallah kami tiga adik-beradik dengan ibu kami yang  
A B

cacat pelihatan. Tiada kesalahan.

C D

x. Selepas berkawat pada tengah hari yang terik itu, kami diarahkan oleh jurulatih kami  
A B C

supaya berlari pula. Tiada kesalahan.

D

#### SOALAN 4

Pilih jawapan yang paling tepat.

- i. Tolong berikan kad jemputan ini \_\_\_\_\_ ayah kamu.
- A ke
  - B kepada
  - C dengan
  - D oleh
- ii. Guru muda itu sentiasa memberikan perhatian \_\_\_\_\_ kebajikan pelajar - pelajarinya.
- A akan
  - B kepada
  - C terhadap
  - D tentang
- iii. Puan Farhah meletakkan sepinggan kuih karipap di \_\_\_\_\_ meja.
- A bawah
  - B atas
  - C sisi
  - D tepi
- iv. Adik minum \_\_\_\_\_ susu sebelum masuk tidur.
- A sepinggan
  - B segelas
  - C semangkuk
  - D sebakul

- v. Haji Soleh ingin sangat \_\_\_\_\_ seorang yang berpelajaran tinggi.
- A menantu
  - B bermenantu
  - C memenantukan
  - D bermenantukan
- vi. Pihak kerajaan sedang berusaha untuk menyekat \_\_\_\_\_ pendatang asing yang semakin meningkat sejak belakangan ini.
- A kunjungannya
  - B kemasukannya
  - C kehadirannya
  - D kedatangannya
- vii. Ayahnya telah meninggalkan \_\_\_\_\_ agar harta peninggalannya dibahagikan sama rata.
- A amanat
  - B nasihat
  - C pusaka
  - D amaran
- viii. Angin yang bertiup \_\_\_\_\_ telah meranapkan beberapa buah rumah papan di kawasan pantai itu.
- A kuat
  - B kencang
  - C deras
  - D keras

- ix. Biliknya kelihatan gelap dan \_\_\_\_\_ kerana terlindung daripada cahaya matahari.
- A redup
  - B malap
  - C suram
  - D mendung
- x. \_\_\_\_\_ antara kedua-duanya berlarutan sehingga hari ini kerana masing-masing masih berkeras.
- A Persengketaan
  - B Peperangan
  - C Pertengkaran
  - D Perdebatan

#### SOALAN 5

*Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan yang berikut.*

- i. Choong dan Raju dinasihati oleh guru kaunseling itu agar berbaik-baik semula dan melupakan segala persengketaan yang wujud antara mereka.
- A Bagai mencari belalang di atas akar
  - B Bagai air hendakkan abu
  - C Buang yang keruh ambil yang jernih
  - D Seperti anai-anai makan kayu
- ii. Zafir tidak senang duduk di dalam kelasnya, terutama selepas dia dipanggil oleh guru kelasnya masuk ke bilik pengetua.
- A Umpama duduk di atas daun
  - B Bagai air hendakkan abu
  - C Bagai menghitung bulu kambing
  - D Seperti anai-anai makan kayu



iii. Sebagai ibu bapa, kita hendaklah mendidik anak-anak dengan nilai-nilai murni sejak kecil lagi agar mereka menjadi insan yang berguna.

- A Bagai mencari belalang di atas akar
- B Bagai air hendakkan abu
- C Bagai menghitung bulu kambing
- D Melentur buluh biarlah daripada rebungnya

iv. Ahmad makan hati berulam jantung semenjak ditinggalkan oleh orang yang disayanginya.

- A Selera makannya hilang semenjak ditinggalkan oleh orang yang disayanginya.
- B Ahmad merana semenjak ditinggalkan oleh buah hatinya.
- C Ahmad kecewa kerana tinggal berjauhan dengan orang yang disayanginya.
- D Ahmad kecil hati semenjak ditinggalkan oleh si jantung hatinya.

v. Selepas majlis itu selesai, banyak terdengar rungutan daripada kalangan pelajar. Keadaan itu sama dengan peribahasa \_\_\_\_\_.

- A sebab mulut badan terjerat
- B rumah siap, pahat berbunyi
- C bagai murai tercabut ekor
- D seperti tempayan bocor

## Bahagian D

[ 20 markah ]

*Bahagian ini terdiri daripada dua bahagian soalan. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.*

**Soalan 6 :** Berdasarkan pantun di bawah, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

### SYAIR TENAGA PEMUDA

Tenaga pemuda kalau diasuh,  
Pimpin dan didik kotor dibasuh,  
Tidaklah ia menjadi lusuh,  
Amat berguna menentang musuh.

*Tenaga* pemuda memang terbilang,  
*Tenaga* yang sedang gilang-gemilang,  
Beban yang berat dapat dijulang,  
Benda yang jauh dapat dijulang.

Tenaga pemuda tenaga bererti,  
Tenaga yang berani menempah mati,  
Tidak mengenal erti nanti,  
Hanya penuh kemahuan mesti.

Tenaga pemuda mestilah sayang,  
Jangan dibiarkan lemah dan goyang,  
Di waktu muda tenaga kencang,  
Berani sampai berputih tulang.

Tenaga pemuda kalau dijaga,  
Kelak akhirnya sangat berharga,  
Tenaga yang menjadi harapan bangsa,  
Gagah berani mempertahankan negara,

( *Antologi Anak Bumi Tercinta*, DBP, 2001 )

- i. Maksud rangkap ketiga puisi di atas
- A Sesebuah negara hendaklah menjaga tenaga pemuda demi keamanan negara.
  - B Golongan pemuda mempunyai tenaga yang kuat. Mereka sangat gagah dan berani.
  - C Tenaga pemuda sangat penting untuk pembangunan negara. Mereka juga mestilah berani dan sanggup berjuang untuk mencapai cita-cita.
  - D Pemuda mesti sayang akan diri sendiri. Mereka hendaklah menjauhi daripada melakukan perkara-perkara yang boleh membinasakan diri.
- ii. Yang berikut merupakan antara seruan penyair kepada golongan pemuda kecuali
- A Pemuda mesti berani berjuang
  - B Pemuda patut berfikir dengan kreatif dan kritis
  - C Pemuda haruslah sanggup berkorban demi negara
  - D Pemuda hendaklah bertindak pantas untuk mencapai apa-apa yang dihajati.
- iii. Ciri puisi di atas adalah seperti berikut kecuali
- A Dua baris pembayang dan dua baris maksud.
  - B Setiap baris mempunyai maksud.
  - C Empat baris serangkap.
  - D Rima akhir aaaa.
- iv. Gaya bahasa bagi perkataan berhuruf condong dalam rangkap kedua puisi di atas
- A anafora.
  - B epifora.
  - C inversi.
  - D responsi.
- v. Nilai murni yang terdapat dalam syair Tenaga Pemuda ialah
- A berkorban demi negara.
  - B kegigihan memajukan diri.
  - C bertanggungjawab terhadap keluarga dan dedikasi.

D keberanian, patriotik, kebersihan mental dan fizikal.

## SOALAN 7

**Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.**

Waktu itu Mak Ngah Jenab peluk emak. Tangan emak telah terlepas daripada tali sauh yang dipegangnya. Kak Jarah memegang birai telaga dengan kedua-dua belah tangannya. Emak mula menangis. Nampak kepala Matain melepek dengan lumpur. Pak Cik Bakar dan Pak Ngah Isa sambut Matain daripada belakang Mat Daud. Pak Cik Isa lalu memegang kedua-dua belah kaki Matain di atas bahu dan membiarkan kepala terkulai di atas belakangnya.

Kemudian Pak Cik Isa membawa berlari keliling. Ada air keluar dari mulut Matain dan mengalir atas punggung Pak Ngah Isa. Kemudian Pak Ngah Isa letak Matain telentang di atas rumput dekat telaga. Pak Ngah Isa sedut nafas dengan mulut daripada mulut Matain. Majid cuba mengangkat lengan Matain ke atas dan ke bawah seperti yang dipelajari di sekolah. Kemudian Matain ditiarapkan pula.

Sedu emak dan sedu Kak Jarah bertambah kuat.

Kedua-dua berdiri memerhati usaha jiran-jiran untuk memulihkan Matain. Tubuh yang masih panas dan masih lembik seperti memberikan harapan kepada orang-orang yang ada bahawa Matain akan pulih. Kemudian Pak Cik Bakar memegang kedua-dua belah pergelangan tangan Matain.

“Sudah tidak ada lagi.”

Pak Cik Bakar menggeleng-geleng. Pak Cik Isa pula memegang tangan Matain. Dan merasakannya beberapa ketika dengan mata tidak berkelip-kelip.

“Ya, sudah tidak ada lagi.”

Emak dan Kak Jarah meraung sekuat hati. Beberapa orang perempuan juga mula menghisap hingus masing-masing. Setiawa hanya memandang dengan rasa tidak percaya kepada Matain yang terlentang di atas rumput. Kemudian Matain diangkat oleh Pak Cik Bakar ke atas rumah. Tangisan emak dan Kak Jarah mengiringi setiap langkah Pak Cik Bakar. Emak teringat akan gulai ikan keli di dalam periuk untuk makan malam.

“Pak Cik Amat buat rumah di mana, Mak Cik Esah?” Majid baru teringat kepada bapak Matain.

“Di Kampung Sirih, dekat kilang gergaji... rumah Yassin tauke batik.”

Majid segera pulang ke rumah dan pakai baju. Kemudian Majid kayuh basikal dengan pantas menuju ke jalan besar. Bapak pulang. Abang Jali pulang. Kedua-duanya disambut dengan kemenyan yang semerbak menerawang ke muka pintu, dan orang-orang perempuan yang bertenggekan di bendul dengan mata dan hidung yang merah.

(Dipetik daripada cerpen Anak Bumi Tercinta, DBP, 2001)

- i. Frasa menghisap hingus masing-masing membawa maksud...
- A berasa selsema
  - B menahan kesedihan
  - C menangis tersedu – sedu
  - D keadaan diri yang tidak sihat
- ii. Yang berikut merupakan pertolongan cemas untuk memulihkan Matain, kecuali ...
- A Matain dibawa ke hospital
  - B Matain ditiarapkan di atas rumput.
  - C Majid mengangkat lengan Matain ke atas dan ke bawah.
  - D Pak Ngah Isa menyedut nafas dengan mulutnya daripada mulut Matain
- iii. Latar tempat semasa Pak Ngah Isa mencuba memulihkan Matain ialah...
- A berhampiran dengan sungai
  - B di atas rumah Mak Cik Esah
  - C di kawasan sekolah
  - D dekat dengan telaga
- iv. Ayat “Sudah tidak ada lagi.” yang digunakan dalam petikan merupakan contoh bagi...
- A sinkof
  - B metafora
  - C pengulangan
  - D Perlambangan
- v. Antara yang berikut, yang manakah bukan latar masyarakat yang terdapat dalam cerpen Anak Bumi Tercinta?
- A Masyarakat yang beragama Islam.
  - B Masyarakat yang tidak suka menolong.
  - C Masyarakat Melayu yang tinggal di kampung.
  - D Masyarakat yang bekerja sebagai petani, pekebun dan tukang rumah.

